

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

SOALAN NO. 486

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk membina bangunan asrama SMK Pinggan-Pinggan, Pitas memandangkan penempatan pelajar-pelajar dari luar bandar yang belajar di sini semakin kritikal.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek pembinaan asrama SMK Pinggan-Pinggan telah diluluskan di bawah projek baharu rolling plan 4 Rancangan Malaysia Ke-11 tahun 2019. Projek ini meliputi skop pembinaan baharu berserta perabot untuk dua (2) blok asrama lelaki dan perempuan berkapasiti 200 orang pelajar setiap satu, dewan makan untuk 400 orang pelajar, surau dan lapan (8) unit rumah warden serta lain-lain kemudahan mengikut piawai. Projek ini akan dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak JKR Sabah dan kini sedang di peringkat pra-pembinaan.

Sekian, terima kasih.